

UJIAN BAIK

Analisis-diri ini jelas boleh mengubah hidup anda ... selama-lamanya!

Terima kasih kerana mengambil ujian ini, Baca soalan-soalan berikut dengan teliti. Anda harus jujur dan dengar suara hati sendiri. **Adakah anda menganggap diri anda sebagai orang baik?** Kebanyakan orang menganggap demikian. Alkitab menyatakan dalam Amsal 20:6 “*Kebanyakan orang akan berkata mereka adalah orang baik.*”

Cuba lihat jika anda layak dianggap sebagai orang baik.

Y T Pernahkah anda bercakap bohong?

Ini termasuk dusta yang kecil dan tidak penting, dusta yang bertujuan baik dan separuh benar.

Y T Pernahkah anda mencuri sesuatu tanpa mengira nilainya?

Y T Pernahkah anda melihat orang dengan niat nafsu?

Yesus berkata, “Sesiapa yang melihat wanita dengan niat nafsu sudahpun melakukan perzinaan dengannya di dalam hatinya”. (Matius 5:28)

Y T Pernahkah anda membenci seseorang?

Alkitab menyatakan jika seseorang membenci orang lain, mereka adalah pembunuh. (*1Yohanes 3:15*)

Jika anda jawab “Ya” kepada soalan-soalan tadi, anda telah mengaku bahawa anda adalah seorang pembohong, pencuri, penzina dan pembunuh di hati dan kita hanya melihat empat daripada Sepuluh Perintah-Perintah. Jika Tuhan menghakimi anda dengan standard ini, anda akan tidak bersalah atau bersalah? Dengar suara hati anda, jika anda jujur, anda akan mengaku yang anda bersalah (*Roma 3:23 “kerana semua telah berdosa dan telah kehilangan Kemuliaan Tuhan”*) Sesiapa yang telah melanggar walaupun satu daripada Perintah-Perintah ini akan dikutuk di neraka selama-lamanya. (*Wahyu 21:8*)

Anda masih menganggap anda adalah orang baik atau sekarang anda faham yang anda adalah orang yang berdosa (*1 Yahya 3:4*) dan patut menerima kemurkaan Tuhan? Ini adalah sebabnya kenapa Yesus Kristus datang ke dunia, mati di atas salib dan bangkit semula. Dia mati seperti seorang penjenayah bukan kerana Dia telah melanggar Undang-Undang itu, tetapi kitalah yang telah melanggar Undang-Undang. Yesus mengambil tempat hukuman kita. *Roma 5:8 “ Tuhan menunjukkan kasihNya kepada kita, oleh kerana Kristus telah mati untuk kita, ketika kita masih berdosa”.*

Apa yang perlu anda buat? Bertaubat dari dosa anda dan letakkan sepenuh kepercayaan anda kepada Yesus sebagai Penyelamat dan Tuhan sebagaimana anda meletakkan kepercayaan anda kepada payung terjun jika anda dikehendaki terjun dari kapalterbang di udara. Ini adalah satu-satunya cara yang boleh menyelamatkan anda (*Yohanes 3:36*) Kemudian baca Alkitab setiap hari dan patuh pada yang anda baca. Terima kasih kerana mengambil masa membaca risalah Gospel ini.

Untuk maklumat lanjut answerstochristianity@gmail.com atau
PO Box 5140, Elanora Heights, NSW 2101 Australia